

D677

U B186 AAB
MAHATHIR - HUBUNGAN
(I)

KUALA LUMPUR, 28 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG PULANG DARI CHINA MENYATAKAN BAHAWA LAWATANNYA SANGAT BERJAYA DAN HUBUNGAN DUA HALA AKAN DAPAT DIPERBAIKI LAGI.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA BELIAU DARI SANA, BELIAU BERKATA, BELIAU MENJANGKA HUBUNGAN DUA HALA ITU AKAN DIPERKUKUHKAN DI PERINGKAT TERTINGGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS MENGENAI PERUBAHAN HUBUNGAN ITU YANG TIDAK AKAN MENGUBAH PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI HUBUNGAN PARTI DENGAN PARTI YANG DIJALIN ANTARA CHINA DENGAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM).

+PKM YANG MENIMBULKAN MASALAH KITA,+ KATANYA SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA PERSOALAN ITU TIDAK DISENTUH DALAM PERBINCANGAN DENGAN PARA PEMIMPIN CHINA KERANA KEDUDUKAN MENGENAI PERKARA ITU SUDAH JELAS.

PERDANA MENTERI BERKATA, PARA PEMIMPIN CHINA MEMAHAMI DAN MENYETUJUI USAHA MALAYSIA KE ARAH PERPADUAN KEBANGSAAN DAN BAHAWA CINA MALAYSIA DISIFATKAN SEBAGAI RAKYAT DAN TIDAK SEBAHAGIAN DARIPADA APA YANG DISIFATKAN PENDUDUK CHINA SEBERANG LAUT. -- LAGI.
2226MST 28 11 85

D730

U B187 AAB
MAHATHIR - HUBUNGAN 2 KUALA LUMPUR
(I)

WALAU PUN TERDAPAT PERBEZAAN DALAM IDEOLOGI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEDUA-DUA NEGARA AKAN MENGHORMATI SATU SAMA LAIN SELAGI +MEREKA TIDAK CAMPUR TANGAN DALAM HAL EHWAL DALAM NEGARA KITA DAN KITA TERHADAP MEREKA.+

DI BEIJING, PERDANA MENTERI TELAH BERBINCANG DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA, ZHAO ZIYANG, PENERUSI PARTI, DENG XIAOPENG, SETIAUSAHA AGUNG, HU YAOBANG DAN PRESIDEN, LI XIANNIAN.

MENGENAI PEMIMPINAN CHINA SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA +AGAK IKHLAS+ DAN MEREKA MEREKA SEDANG MENUMPUKAN PERHATIAN MEMAJUKANNEGARA NEGERA MEREKA DAN +TIDAK BERCITA-CITA DI SEBERANG LAUT.+ -- BERNAMA
2320MST 28 11 85